

# TNC UMS ketuai kontinjen Malaysia ke Sukan Universiti Dunia Rusia

UB 4.7.2013 A14

KOTA KINABALU: Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sabah(UMS), Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Mansur (*gambar*) selaku Pengurus Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) telah diberi penghormatan mengetua i kontinjen atlet IPT Malaysia ke Kejohanan Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) di Kazan, Rusia yang bermula pada 6 hingga 17 Julai.

Pemilihan ini merupakan satu penghormatan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada MASUM serta semua Pengarah-pengarah Pusat Sukan IPTA, sekali gus meletakkan harapan yang tinggi kepada kontinjen Malaysia untuk mencipta kejayaan.

Pemilihan Kasim sebagai Chef de Mission memang tepat kerana beliau juga merupakan Presiden Asean University Sport Council (AUSC), dan pernah juga dilantik sebagai Chef de Mission Kontinjen Malaysia dalam Asean University Games (AUG) kali ke-15 di Chiang Mai, Thailand pada tahun 2010.

Di samping itu, beliau juga pernah diberi tugas sebagai Chef de Mission dalam Sukan SIPMA dan mengetuai kontinjen Malaysia di beberapa kejohanan sukan di peringkat kebangsaan.

Menurut Dr Kasim, Malaysia akan menghantar seramai 122 atlet dan 58 orang pegawai termasuk pengurus dan jurulatih dalam 14 acara sukan.

Beliau berharap penyertaan Malaysia di Kazan, Rusia pada tahun ini mampu membuat kejutan dan menghasilkan kilauan pingat Emas yang pertama.

Sejak penyertaan Malaysia lebih 20 tahun lepas, kontinjen negara belum pernah mendapat pingat emas.

"Acara hoki berpotensi untuk mengangkat nama Malaysia dalam temasya Sukan Universiti dunia ini memandangkan kesebelasan pemain yang mewakili IPT Malaysia adalah juga terdiri daripada pemain elit kebangsaan," katanya.

Penyertaan kontinjen Malaysia dalam Sukan Universiti Dunia yang berlangsung dua tahun lalu di Shenzhen, China, menyaksikan kontinjen negara telah meraih 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa.

Antara penyumbang pingat pada masa itu adalah dalam acara terjun oleh Puteri Olimpik Malaysia iaitu Pandalela Rinong. Malangnya tahun ini, Pandalela tidak akan beraksi kerana beliau pada masa yang sama terlibat dalam kejohanan terjun dunia di Sepanyol.

Menurut Kasim, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) merupakan penggerak dan pencetus pembudayaan sukan di IPTA.

"MASUM adalah platform terbaik mencungkil bakat sukan atlet-atlet IPTA dan sekali gus melahirkan atlet yang versatil dan berdaya saing," katanya.

Pastinya tahun 2012 membawa kenangan yang begitu indah buat semua warga sukan IPT, apabila Malaysia telah berjaya sebagai juara keseluruhan Asean University Games 2012 (AUG) dengan 60 pingat emas, 48 perak dan 72 gangsa.

